

25/04/2004

Tiada harta, peniaga Melayu bayar sewa RM1.4 juta

TAJUK "Orang Melayu perlu lebih berani?" kolum Johan Jaffar (JJ) minggu lalu mendapat respon pembaca. Persoalan yang dibangkitkan oleh Datuk A Kadir Jasin bahawa "antara Umno dan kerajaan, siapakah dalam struktur kuasa yang bercakap bagi pihak orang Melayu mengenai hal pokok seperti bahasa, budaya, pendidikan dan ekonomi", yang dipetik oleh JJ itu, mendapat perhatian ramai termasuk seorang pembaca dari Kuala Lumpur.

Mendakwa dirinya berniaga hampir sama umur Kompleks Pertama - satu-satu pusat beli-belah tertua di KL yang masih ramai orang Melayu berniaga di bazarnya - beliau membebel mengenai keberanian yang bagaimana harus ada pada peniaga Melayu dan pada kerajaan yang mahu membela peniaga pribumi.

Walaupun bebelannya menerusi telefon itu semakin menyimpang, beliau dengan nada tinggi berkata "Apakah selepas kami berani membayar sewa yang sudah mencecah lebih setengah juta ringgit malah ada peniaga paling lama telah membayar sewa berjumlah RM1.4 juta, kita bukan peniaga Melayu yang berani memiliki premis sendiri? Struktur kuasa yang mana dalam Umno dan kerajaan yang bijak bercakap mengenai orang Melayu mesti berani berniaga sedangkan untuk memiliki ruang niaga sendiri, mereka jugalah tidak percaya kepada keberanian dan kemampuan kami?" Beliau menyebut semua usaha sudah dibuat termasuk berjumpa menteri malah menghantar memorandum kepada Perdana Menteri serta mengadu hal kepada Dewan Perniagaan Melayu. Sehingga hari ini tiada siapa yang berani membantu mereka.

Simpatinya dengan celotehnya dan mahu melihat sendiri wajah peniaga itu, Sang Lamri berjumpanya di kompleks itu. Selepas dipersilakan masuk, diiringi beberapa rakan peniaga di situ, mereka mencurahkan rasa kecewa sejak berniaga hampir 30 tahun di situ. Semua surat menyurat, memorandum ditunjukkan kepada Sang Lamri dalam usaha untuk mendapat status pemilik di bazar sekanggang kera itu. Katanya, kalau 43 peniaga Melayu di sini tidak ada keberanian, sudah lama mereka gulung tikar.

Rakan yang lain mencelah-celah. Kecewa dengan matlamat penubuhan Perbadanan Pembangunan Bandar (Uda) yang ditubuhkan pada 1971 di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk menambah pemilikan berkekalan hartanah Bumiputera di bandar besar, tambah mereka peniaga kecil Melayu hari ini walaupun berkemampuan memiliki premis perniagaan di lokasi dan kompleks strategik di KL, seperti tidak dipedulikan. Seolah-olah taraf peniaga Melayu hanya di gerai. Sejak bertukar menjadi syarikat awam dan disenaraikan di bursa saham, matlamat Uda berkubur. Tengok saja di kompleks beli-belah besar di KL. Berapa kerat orang Melayu jadi pemilik premis besar perniagaan.

"Uda Holdings yang mana majoriti sahamnya dimiliki oleh Perbadanan Menteri Kewangan kalau tidak silap saya, ada 11 kompleks beli-belah termasuk Kompleks Pertama. Permohonan kami membelinya ditolak atas alasan takut kita akan jual pada bukan Melayu. Kita berani beri syarat kalau tak mampu bayar, sebut dalam perjanjian bahawa kita mesti jual balik pada Uda. Itupun mereka tak berani. Nampak jelas Uda mahu untung kutip sewa dan bukan bantu peniaga Melayu yang berani miliki harta," kata mereka sambil menunjukkan salinan memorandum yang ditandatangani lebih 40 peniaga dihantar beberapa tahun lalu kepada Tun Mahathir Mohamad dan beberapa Menteri Pembangunan Usahawan.

Sebelum Sang Lamri keluar, secara sinis seorang daripadanya berkata: "Agaknya kerana tak mahu melayan permohonan kami, walaupun Menteri Usahawan tiga kali bertukar ganti dan pejabat pun sebelah aje, tiada siapa

sudi menjenguk kami. Dulu kerajaan popular dengan istilah matlamat penubuhan MPPB (Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera). Sekarang dah sejuk!"

(END)